

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 16 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang (Marang) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah jangka panjang dalam menyelesaikan isu keselamatan rakyat di Sabah khususnya di Zon Selamat Timur Sabah (ESSZONE).

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Dari segi perancangan jangka masa panjang, ESSCOM telah merangka beberapa pendekatan yang lebih holistik dan bersepadu bagi memperkemaskan bentuk kawalan selia di perairan ESSZONE. Antara pendekatan yang dilaksanakan bagi menambah baik kawalan keselamatan, pengawasan dan penguatkuasaan adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan kesiapsiagaan dan keupayaan aset termasuk menempatkan beberapa anggota keselamatan di lokasi yang dikenal pasti mempunyai risiko tinggi berlakunya jenayah rentas sempadan;
- ii. Mengerakkan usaha untuk mewujudkan dan memperkukuhkan jaringan kerjasama dengan agensi penguatkuasa di negara jiran termasuk Filipina;
- iii. Meningkatkan keupayaan risikan dan pertukaran maklumat;
- iv. ESSCOM turut mengadakan program bersama masyarakat setempat rakyat (*engagement*) dalam usaha untuk memperjelaskan fungsi dan peranan ESSCOM, isu-isu keselamatan dan tanggungjawab bersama yang perlu mereka laksanakan dalam mempertahankan kedaulatan dan keselamatan rakyat khususnya di ESSZONE. Sehingga bulan Mei 2015,

ESSCOM telah melaksanakan sebanyak 10 program *engagement* bersama masyarakat setempat; dan

- v. Operasi Bersepadu dan Operasi Gasak juga diadakan secara berterusan di kawasan-kawasan bandar utama bagi membersihkan ESSZONE daripada PATI. Operasi Bersepadu ini juga adalah bertujuan untuk mengurangkan dominasi PATI di kawasan bandar dan pasar-pasar besar yang menjalankan perniagaan secara haram tanpa lesen serta menjual barang-barang seludup seperti rokok, dadah dan sebagainya. Rakyat tempatan yang berniaga secara sah di gerai-gerai yang telah disediakan oleh Majlis-Majlis Perbandaran akan meningkatkan pendapatan mereka yang sebelum ini terjejas akibat kehadiran PATI yang menjaja secara haram.

Sekian. Terima kasih.